

PESTA SILAT ANTARABANGSA

Pesaka atur persiapan rapi hadapi dua kejohanan



■ A RAHMAN HASSAN

PERSIAPAN rapi termasuk pertandingan persahabatan dengan Singapura dan Brunei, telah dirancang oleh Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) bagi menghadapi dua kejohanan besar tahun ini.

Malaysia akan menjadi tuan rumah Pesta Silat Antarabangsa Ke-4 yang dijangka menarik penyertaan lebih 14 negara di Kuala Lumpur Julai ini dan disusuli oleh Sukan SEA di Jakarta dua bulan kemudian.

Setiausaha Pesaka, A Rahman Hassan, berkata seramai 30 ahli silat lelaki dan wanita telah disenaraikan untuk menjalani ujian pemilihan di ibu negara pada 10-20 April ini.

Mereka terdiri daripada johan dan naib johan pelbagai kelas dalam Kejohanan Silat Kebangsaan di Kuala Terengganu, Disember lalu.

Seterusnya, 10 peserta lelaki dan lima peserta wanita akan dipilih untuk menjalani latihan pusat di bawah bimbingan Anuar Wahab, Mohd Sani Murni dan Basiron Hamit sebagai persiapan kedua-dua kejohanan itu.

"Ahli-ahli silat yang terpilih akan menjalani latihan sebanyak tiga peringkat hinggalah menjelang Sukan SEA nanti," jelasnya.

Pertandingan persahabatan dengan Singapura dan Brunei dijadualkan berlangsung di Kuala Lumpur, Jun ini.

Rahman berkata, Pesaka amat menghargai kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN) yang memberi bantuan kepada mereka untuk menjalani latihan.

Kerjasama itu, tambahnya, menguatkan lagi semangat mereka untuk berusaha sedaya upaya membawa pulang

lebih banyak pingat emas.

Sebanyak 15 pingat emas dipertaruhkan menerusi acara silat olahraga yang dipertandingkan buat kali pertama dalam Sukan SEA di Jakarta.

Menurut Rahman, kepercayaan Urusetia Silat Antarabangsa yang berpejabat di Jakarta memilih Malaysia sebagai tuan rumah kejohanan Julai ini, adalah berdasarkan kejayaan peserta-peserta negara dalam tiga kejohanan yang sama sebelumnya.

Dalam kejohanan terakhir yang disertai oleh 14 negara di Vienna, Austria pada 1985, Malaysia menghantar empat peserta dan berjaya membawa pulang dua pingat gangsa.

Beliau menjelaskan, kegagalan Malaysia memenangi lebih banyak pingat dalam kejohanan itu kerana tidak dapat menghantar lebih ramai peserta berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya.

Malaysia membawa pulang enam pingat daripada Pesta Silat Antarabangsa yang pertama pada 1982 dan lima pingat lagi dalam kejohanan yang disertai oleh 13 negara dua tahun selepas itu.

"Kami akan menurunkan peserta dalam semua acara lelaki dan wanita bagi memenangi lebih banyak pingat kali ini," katanya lagi.

22 MAR 1987

B. Minggu (M)